

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

### Ringgit lemah, OPR tinggi dijangka tak jejas pendapatan KWSP



**Strategi alokasi aset pengurusan dana persaraan direka untuk atasi ketidaktentuan pasaran**

Oleh Hazwan Faisal Mohamad hazwanfaisal@bh.com.my

Kedudukan pasaran yang tidak menentu termasuk kelemahan ringgit, pertumbuhan ekonomi sederhana dan Kadar Dasar Semalam (OPR) lebih tinggi, dijangka tidak memberi kesan ketara ke atas pelaburan dan pendapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Ketua Pegawai Strategi KWSP, Nurhisham Hussein, berkata ini kerana KWSP menerusi strategi alokasi asetnya dijangka mampu menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan dan ketidaktentuan ekonomi yang melanda.

"Kita punya alokasi aset me-

mang direka untuk menangani naik kesan turun pasaran, naik turun kadar faedah.

"Jika ada pun impak pada satu kelas aset, lagi satu kelas aset yang lain mungkin naik, jadi dari segi pendapatan (KWSP) tidak begitu terjejas."

"Jika semua pasaran turun baru (pendapatan) terkesan, tetapi ketika ini (prestasi) pasaran antarabangsa adalah baik," katanya kepada BH, ketika ditemui baru-baru ini.

Nurhisham berkata, walaupun pasaran saham di Malaysia ketika ini sedang memburun, namun KWSP sentiasa meninjau peluang untuk membeli aset yang menarik dari segi harga.

"Memang boleh meraih pendapatan, (situasi sebegini) ia perlu untuk KWSP membeli kerana tengah murah.

"Padahal kebiasaannya kita memang selalu berjual beli, bukannya ada masa kita (beli) banyak, ada masa sedikit, kita sentiasa berurusniaga.

"Saya rasa (pasaran Malaysia) kalau dari segi penilaian memang rendah, tetapi memang kita punya strategi tidak

tertumpu pada sesuatu aset," katanya.

Ditanya apa kesan kepada pelaburan KWSP jika berlaku kejadian OPR, beliau menjelaskan, akan ada aset yang berlaku kenaikan dan ada yang akan turun.

"Bank akan naik sedikit jika OPR naik, manakala yang lain ada pemurutan sedikit. Ia bergantung kepada aset mana yang ada banyak hutang.

"Kita perlu tengok pada syarikat mana yang mempunyai banyak hutang, maka mereka akan terkesan sedikit. Tetapi syarikat pun 'pandal', tidak semua pinjaman dibuat adalah jenis kadar (faedah) berubah-ubah, ada

juga yang kadar tetap, jadi tidak terkesan," katanya.

**Pendapatan pelaburan naik**  
Pada suku pertama berakhir 31 Mac 2023, KWSP mencatatkan pendapatan pelaburan sebanyak RM15.16 bilion, naik tiga peratus berbanding RM14.77 bilion yang dicatatkan dalam suku sama 2022.

Jumlah ini adalah selepas mengambil kira turun nilai kos atas ekuiti tersenarai yang direkodkan untuk suku berkenaan.

Pada suku pertama 2023, pendapatan daripada ekuiti meningkat kepada RM8.96 bilion, selepas mengambil kira turun nilai kos,

berbanding RM8.75 bilion yang dicatatkan pada suku sama 2022.

Kelas aset itu kekal sebagai penyumbang pendapatan tertinggi pada 59 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan.

Instrumen pendapatan tetap, yang berfungsi sebagai pengekalan modal menjadi tunjang kepada KWSP dan turut memberikan aliran pendapatan yang stabil, di samping mengurangkan kesan daripada ketidaktentuan pasaran jangka pendek dan memberikan kestabilan kepada pendapatan keseluruhan KWSP.

Kelas aset ini, yang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Sama Taraf (MGS) serta pinjaman dan bon, menyumbang 32 peratus atau RM4.79 billion kepada pendapatan pelaburan kasar bagi suku pertama 2023.

Hartanah dan infrastruktur pula mencatatkan peningkatan dalam pendapatan kepada RM920 juta pada suku pertama 2023.

Pendapatan daripada instrumen pasaran wang juga meningkat kepada RM490 juta, daripada RM280 juta pada suku pertama 2022, sejajar dengan jangkaan pulangan dietapkan untuk kelas aset ini.



**Walaupun pasaran saham di Malaysia ketika ini sedang memburun, namun KWSP sentiasa meninjau peluang untuk membeli aset yang menarik dari segi harga**

Nurhisham Hussein,  
Ketua Pegawai Strategi KWSP